

12/BKH/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

DISYAKI TINGGAL LEBIH MASA DI MALAYSIA, LELAKI CHINA DITAHAN

BUKIT KAYU HITAM, 3 Ogos 2025 - Seorang lelaki warganegara China ditahan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini, kelmarin, kerana disyaki tinggal lebih masa semasa cuba keluar dari Malaysia ke Thailand.

Lelaki berusia 39 tahun itu ditahan pada jam 1:00 tengah hari semasa pemeriksaan dokumen rutin. Pemeriksaan imigresen terhadap pasport suspek menunjukkan kemasukan terakhirnya ke Malaysia direkodkan pada 30 Mei 2025 di Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor.

Endosmen Pas Lawatan Sosialnya didapati telah tamat tempoh dan tiada endosmen keluar dari Thailand, yang menandakan beliau kekal berada di Malaysia melebihi tempoh yang dibenarkan selama 34 hari.

Suspek telah ditahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan telah diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

AKPS menasihatkan orang ramai, terutamanya warga asing yang berada di Malaysia, untuk sentiasa peka dengan tarikh luput pas mereka dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melanjutkan pas atau meninggalkan negara sebelum tempoh tersebut berakhir bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang.

Penangkapan ini menyerlahkan usaha berterusan AKPS untuk memastikan peraturan imigresen dan keselamatan sempadan terus dipelihara.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/file/d/1HiQs7SK-vyJAmNYDhx5ytzQXMcQijwR5/view?usp=drive_link

TAMAT

3 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI